

PWM selar tindakan DBKL ceroboh masuk premis

FOTO: MOHD RAFIQ REDZUAN HAMZAH

KUALA LUMPUR - Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) menyelar tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menceroboh dan merobohkan khemah *marquee* dan binaan di kawasan premis PWM di Jalan Titiwangsa, di sini pada 11 Januari lalu.

Presidennya, Datuk Yazid Othman berkata, tindakan DBKL meroboh khemah dan binaan di dalam kawasan premis persatuan itu tanpa notis adalah melampau dan tidak bertanggungjawab.

"Sebenarnya khemah yang dipasang sebagai persediaan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kami jemput untuk merasmikan rumah PWM yang baru kami peroleh daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Saya juga dah maklum-



Yazid (tengah) pada sidang akhbar di Rumah PWM pada Rabu.

kan secara bertulis kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur memaklumkan tentang program tersebut dan meminta kerjasama DBKL untuk mengindahkan lagi lokasi program namun lain jadinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar khas berkenaan pencerobohan yang dibuat ke atas premis milik PWM pada Rabu.

Tambah Yazid, pencerobohan oleh penguat kuasa PBT itu tidak mengikut lunas undang-undang kerana persatuan langsung tidak dihubungi ketika kerja meroboh dilakukan.

"Disebabkan itu kami terpaksa menanggung kos kerugian berjumlah lebih RM900,000 kerana khemah *marquee* yang ditaja rosak manakala tandas yang dibina

juga dimusnahkan," jelasnya.

Ulasnya, PWM memberi tempoh kepada DBKL untuk membayar kos tuntutan ganti rugi serta memohon maaf terhadap kelalaian itu.

"Saya sendiri akan membuat laporan polis sebelum merangka tindakan tegas termasuk mengambil tindakan saman terhadap PBT itu," katanya.